

03/11/2002

Malaysia amal konsep mesra perniagaan tarik pelabur asing

GEORGETOWN: Perdana Menteri memberi jaminan pelabur asing tidak akan kecewa melabur di negara ini kerana kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan oleh mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sentiasa mengamalkan konsep mesra perniagaan bagi memastikan pelabur mendapat semua kemudahan termasuk insentif yang diperlukan.

Katanya, kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensinya terutama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) turut mengadakan dialog bagi mengetahui kehendak pelabur sama ada yang sudah atau mahu melabur di negara ini.

Beliau berkata, Malaysia juga berupaya menyediakan sumber tenaga mahir dengan kos yang rendah berbanding negara lain bagi memastikan pelabur mampu memperkembangkan perniagaan mereka serta mendapat pulangan sewajarnya.

"Oleh itu, Kerajaan memberi jaminan sokongan berterusan kepada pelabur dan anda tidak akan kecewa melabur di negara ini," katanya ketika berucap menyaksikan majlis penganugerahan sijil Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (IEC) 60950 dari Institut Penyelidikan Perindustrian Standard Malaysia (Sirim) kepada pengeluar komputer peribadi terkemuka dunia IBM, di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas, di sini, semalam.

IBM menjadi firma Teknologi Maklumat (IT) pertama di negara ini, yang dianugerahkan sijil berkenaan oleh Sirim berikutan IBM kini mengeluarkan sepenuhnya komputer peribadi itu di kilangnya di Pulau Pinang.

Komputer keluaran IBM itu akan ditanda sebagai komputer `Buatan Malaysia' sepenuhnya dan akan dipasarkan bagi memenuhi permintaan tempatan serta rantau Asean.

Dengan penganugerahan sijil itu, selain ia memenuhi kawalan mutu pengeluaran, produk komputer IBM itu juga akan disenaraikan dalam `Senarai Barangan Buatan Tempatan' oleh Kementerian Kewangan.

IBM mengeluarkan komputer itu melalui Sanmina-SCI Pulau Pinang (Sanmina-SCI) di kilangnya di Taman Perindustrian Bukit Tengah, Seberang Prai Tengah (SPT).

Sehubungan itu, Perdana Menteri melahirkan rasa gembiranya kerana IBM memilih Malaysia dan Pulau Pinang khususnya bagi mengeluarkan komputer peribadi `Buatan Malaysia' itu.

"Saya yakin dengan kehadiran IBM di negara ini, ia juga akan mampu menarik pelabur asing lain untuk datang melabur di Malaysia berikutan pelbagai kemudahan yang disediakan kerana persaingan menarik pelabur kini semakin sengit," katanya.

Pada majlis itu, Pengarah Eksekutif Sirim Qas Sdn Bhd, Abdul Aziz Abdul Manan menyampaikan sijil berkenaan kepada Naib Presiden Sanmina-SCI Malaysia Bahagian Pengeluaran Perkhidmatan Elektronik, Lim Yoke Yuen.

Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing turut menerima komputer peribadi IBM yang disampaikan oleh Voon daripada kilang pengeluaran IBM di Pulau Pinang.